

ANALYSIS OF CONTEMPORARY DA'WAH STRATEGIES IN MALAYSIA

ANALISIS STRATEGI DAKWAH KONTEMPORARI DI MALAYSIA

Suriani Ismailⁱ & Ahmad Sabri Osmaniⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Pelajar Sarjana (Master), Akademi Pengajian Islam Konteporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM). busyraalazwar@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Konteporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM). ahmadsabri@uitm.edu.my

Received: 12 September 2024

Article Progress
Revised: 2 December 2024

Accepted: 15 December 2024

Abstract	<p><i>Preachers are greatly needed among Muslims as heirs of the prophets and messengers to convey Allah's revelation and the message of Islam to return to Allah Taala. Since people in these end times live in a state filled with pleasures and commit sins everywhere without considering sin and reward, to the point of forgetting Allah.</i></p> <p><i>Preachers also play a crucial role in shouldering the responsibility of Amar Maaruf and Nahi Munkar. However, to achieve effective da'wah that resonates in the hearts of the mad'u and remains consistent so that they can continuously carry out the task of amar maaruf nahi munkar, preachers need to devise strategies that align with the current state of society by using contemporary da'wah methods through well-structured da'wah strategies. This article examines the analysis of contemporary da'wah strategies that are suitable for the present time. The design of this study is qualitative. The data collection method was conducted through a literature review that referred to primary and secondary sources, including academic journals, research books, and papers specifically discussing contemporary da'wah strategies. Semi-structured interviews were also conducted with academic and da'wah experts in Malaysia. Meanwhile, the data analysis method used document analysis based on interviews with academic and da'wah experts in Malaysia. The study found that a small number of preachers in Malaysia about the last five years have not fully adopted contemporary da'wah strategies to produce effective da'wah that creates followers who are consistently bound to Islam, such as not fully mastering da'wah methods and the various mediums for delivering da'wah today. In addition, this study serves as a reference for da'wah institutions, educational institutions, and specifically for preachers in Malaysia.</i></p> <p><i>Keywords: Analysis, Strategy, Contemporary Da'wah, Da'wah Workers</i></p>
Abstrak	<p><i>Pendakwah amat diperlukan dalam kalangan umat Islam sebagai pewaris para nabi dan rasul bagi menyampaikan wahyu Allah dan risalah Islam untuk kembali kepada Allah Taala. Ini disebabkan umat Islam di akhir zaman ini hidup dalam keadaan yang penuh dengan keseronokan maksiat di merata tempat tanpa menghiraukan dosa dan pahala sehingga lupa kepada Allah SWT.</i></p> <p><i>Pendakwah juga amat berperanan untuk menggalas tanggungjawab Amar Maaruf dan Nahi Munkar. Namun, untuk mendapatkan dakwah yang berkesan ke dalam jiwa mad'u dan konsisten agar sentiasa berterusan mampu jalankan tugas</i></p>

amar maaruf nahi munkar ini, pendakwah perlu menyusun strategi-strategi yang sesuai dengan keadaan masyarakat sekarang dengan menggunakan kaedah dakwah kontemporari melalui strategi-strategi dakwah yang tersusun. Artikel ini mengkaji tentang analisis strategi dakwah kontemporari yang sesuai di masa kini. Reka bentuk kajian ini berbentuk kualitatif. Metod pengumpulan data dilakukan melalui kajian kepustakaan yang merujuk sumber primer dan sumber sekunder terdiri daripada jurnal akademik, buku penyelidikan, kertas kerja yang khusus membincangkan mengenai strategi dakwah kontemporari. Temubual semi struktur juga dijalankan terhadap pakar akademik dan dakwah di Malaysia. Manakala kaedah analisis data pula menggunakan analisis dokumen hasil temubual bersama pakar akademik dan dakwah di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa segelintir pendakwah di Malaysia sekitar lima tahun kebelakangan ini belum mengikuti sepenuhnya strategi dakwah kontemporari bagi menghasilkan dakwah yang berkesan agar melahirkan mad'u yang sentiasa terikat dengan Islam seperti tidak menguasai secara menyeluruh uslub dakwah dan kepelbagaian medium dalam menyampaikan dakwah pada masa kini. Selain itu, kajian ini menjadi rujukan terhadap institusi badan dakwah, institusi pendidikan dan khususnya kepada pendakwah di Malaysia.

Kata Kunci: Analisis, Strategi, Dakwah Kontemporari, Pendakwah

PENDAHULUAN

Agama Islam merupakan agama yang paling mulia di sisi Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW merupakan antara Rasul utusan Allah untuk menyebarkan Islam. Namun selepas kewafatan baginda SAW syariat seruan Islam ini perlu diteruskan oleh orang-orang yang berkemampuan antaranya pendakwah-pendakwah yang mempunyai kelayakan dari segi akidah yang tidak bercanggah dengan syariat Islam dan mempunyai ilmu yang baik serta dapat mengajar, mendidik, membimbing dan mengajak *mad'u* sebagaimana yang diusahakan oleh baginda SAW. Firman Allah SWT:

﴿وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ﴾

Maksudnya: "Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang yang berjaya." (al-Quran. Ali Imran :104)

Menurut Badli Shah (2016), pada era globalisasi ini, terdapat ramai pendakwah yang muncul bagai cendawan yang tumbuh selepas hujan sama ada melalui media dan sebagainya. Fenomena pendakwah selebriti semakin meriah dan kerap muncul di majalah, radio, buku, laman sosial dan televisyen. Para pendakwah yang menyampaikan nasihat agama di media-media ini sudah semakin ramai jumlahnya dengan menampilkan gaya dakwah dan ciri khas masing-masing. Munculnya pendakwah yang ramai ini kelihatannya menjadikan citra Islam telah berubah menjadi lebih segar dan ramah. Islam menjadi tidak terkesan dengan pandangan terorisme atau perkara yang menakutkan. Pandangan negatif terhadap Islam semakin hilang dengan perlahan-lahan apabila pendakwah memanfaatkan teknologi masa kini. Fenomena kebanjiran pendakwah di Malaysia ini menunjukkan suatu perkembangan yang sihat untuk umat Islam di Malaysia.

Namun, perlu diperhalusi terdapat banyak juga masalah yang timbul di sebalik fenomena ini. Sejak kebelakangan ini, dakwah yang murni dan mulia ini telah tercemar oleh beberapa isu keperibadian pendakwah khususnya pendakwah selebriti. Terdapat beberapa pendakwah selebriti yang kebanyakannya dikenali dari rancangan realiti televisyen dipalitkan dengan isu-isu yang kontroversi dan mendapat kejian serta cemuhan daripada masyarakat.

Keadaan ini bercanggah dengan keperibadian Rasulullah SAW di dalam menyampaikan dakwah (Aisyah, 2023).

Melihat kepada kebanyakan pendakwah-pendakwah ini di Malaysia khususnya, Ia merupakan satu kelebihan untuk berdakwah kepada *mad'u* yang mempunyai latar belakang dan masalah yang pelbagai. Namun pendakwah juga perlu persiapkan diri dengan persiapan yang baik dan mengikuti dakwah dengan strategi yang baik agar dakwah terkesan kepada *mad'u*.

ULASAN KAJIAN LEPAS

Dakwah mempunyai pelbagai maksud, bagi memahami lebih mendalam maksud dakwah ini pengkaji membawa pelbagai maksud dakwah dari sudut bahasa dan istilah.

Makna Dakwah Dari Sudut Bahasa

“Dakwah” berasal daripada perkataan “*Da'a*”. Dari segi bahasanya membawa maksud meminta tolong, beribadah, menyeru, menjemput, mengajak, memanggil dan meraung (Zin, 1991). Ianya juga membawa maksud menyeru, menjemput, mengajak dan memanggil pada sesuatu untuk merangsang hukum (Ghazali, 1996). Dalam Kamus Dewan edisi ke-2, definisi dakwah bermaksud penyebaran ajaran sesuatu agama.

Makna Dakwah Dari Sudut Istilah

Menurut Afifi, A. O. M. (2024), maksud dakwah dari sudut istilah sebagaimana yang disebut perkataan dakwah di dalam al-Quran mempunyai beberapa maksud, di antaranya:

1- Dakwah dengan makna Doa.

﴿ادْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ﴾

Maksudnya: “Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.” (al-Quran. al-A'raf : 55)

2- Dakwah dengan makna seruan

﴿وَيَوْمَ يَقُولُ نَادُوا شُرَكَائِيَ الَّذِينَ زَعَمْتُمْ فَادْعُوهُمْ فَلَمَّ يَسْتَجِيبُوا لَهُمْ وَجَعَلْنَا بَيْنَهُم مَّوْبِقًا﴾

Maksudnya: “Dan (ingatkanlah) waktu Allah berfirman: “Panggillah sekutu-sekutuKu yang kamu katakan itu (untuk menolong kamu); lalu mereka memanggilnya, tetapi sia-sia sahaja, kerana makhluk-makhluk itu tidak menyahut seruan mereka: dan kami jadikan untuk mereka bersama sebuah tempat azab yang membinasakan.”(al-Quran. al-Kahfi: 52)

3- Dakwah dengan makna menggalakkan dan mengajak.

﴿وَيَا قَوْمِ مَا لِي أَدْعُوكُمْ إِلَى النَّجَاةِ وَتَدْعُونَنِي إِلَى النَّارِ﴾

Maksudnya: “Dan wahai kaumku! Apa halnya aku dengan kamu? Aku mengajak kamu kepada keselamatan, dan kamu pula mengajakku ke neraka?” (al-Quran. al-Ghafir: 41)

4- Dakwah dengan makna meminta pertolongan.

﴿قُلْ أَرَأَيْتَكُمْ إِنْ أَنَا كُنتُمْ عَذَابُ اللَّهِ أَوْ أَنتُمْ السَّاعَةُ أَعْبَرِ اللَّهُ تَدْعُونَ إِنْ كُنتُمْ صَادِقِينَ﴾

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): “Khabarkanlah kepadaku, jika datang kepada kamu azab Allah, atau datang kepada kamu hari kiamat, adakah kamu akan menyeru yang lain dari Allah (untuk menolong kamu), jika betul kamu orang-orang yang benar?” (al-Quran. al-An'am: 40)

5- Dakwah dengan makna permintaan.

﴿لَا تَدْعُوا الْيَوْمَ ثُبُورًا وَاحِدًا وَادْعُوا ثُبُورًا كَثِيرًا﴾

Maksudnya: "(Lalu dikatakan kepada mereka): "Janganlah kamu menjerit-jerit meminta pada hari ini sejenis kebinasaan sahaja, tetapi mintalah kebinasaan sebanyak-banyaknya (kerana azab yang menunggu kamu di sini banyak jenisnya)." (al-Quran. al-Furqan: 14)

6- Dakwah dengan makna suruhan atau perintah.

﴿وَمَا لَكُمْ لَا تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالرَّسُولِ يَدْعُوكُمْ لِتُؤْمِنُوا بِرَبِّكُمْ وَقَدْ أَخَذَ مِيثَاقَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ﴾

Maksudnya: "Dan mengapa kamu tidak beriman kepada Allah? Sedang Rasulullah mengajak kamu untuk beriman kepada Tuhan kamu, dan Allah telah mengambil janji setia dari kamu (untuk beriman); jika kamu hendak beriman (maka telah jelaslah dalil-dalilnya)." (al-Quran. al-Hadid: 8)

7- Dakwah dengan makna soal atau pertanyaan.

﴿قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا لَوْهَاءَ ۚ قَالَ إِنَّهُ يُقُولُ إِنَّهَا بَقْرَةٌ صَفْرَاءُ فَاقِيعٌ لَوْهَاءُ تَسُرُّ النَّظِيرِينَ﴾

Maksudnya: "Mereka berkata lagi: "Pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkanNya kepada kami apa warnanya?" Nabi Musa menjawab: "Bahawasanya Allah berfirman: Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu kuning, kuning tua warnanya, lagi menyukakan orang-orang yang melihatnya". (al-Quran. al-Baqarah: 69)

Perkataan kontemporari menurut Kamus Dewan Edisi Keempat membawa maksud semasa, mutakhir atau masa kini. Justeru, dakwah kontemporari merupakan dakwah pada masa kini yang diambil kira sekitar lima tahun kebelakangan ini.

Strategi Dakwah Kontemporari

Keberkesanan dalam menyampaikan dakwah perlu diambil kira. Menurut kajian Supriyanto (2018), dakwah yang berkesan ialah apabila dakwah yang disampaikan itu memberi kesan yang baik kepada penerima dakwah. Dakwah yang efektif dapat dinilai melalui kefahaman dan kesenangan dalam hati penerima dakwah, membawa kesan dan pengaruh yang baik kepada *mad'u*, dapat mencipta hubungan yang baik antara pendakwah dan penerima dakwah dan dapat melahirkan tindakan yang positif terhadap apa yang disampaikan.

Pelbagai pendekatan dakwah yang perlu dilaksanakan oleh pendakwah selagi ia tidak bercanggah dengan Islam. Tugas dakwah ini bukan digalas oleh para asatizah sahaja melalui ceramah semata-mata bahkan ia juga boleh dilaksanakan melalui keteladanan akhlak mulia yang ditampilkan oleh semua yang bergelar sebagai penganut Islam. Dalam Islam, tiada pendekatan yang khusus untuk berdakwah tetapi digalakkan untuk melakukan pelbagai kaedah dan medium yang bersesuaian bagi pelaksanaan dakwah selagi ia tidak bertentangan dengan apa yang digariskan dalam Syara' (Aisyah, 2023)

Medium dakwah yang sedia ada perlu dipelbagaikan. Oleh itu, dakwah perlu kepada pendekatan yang berstrategi dan pelbagai mengikut keadaan dan suasana semasa. Ini kerana keberkesanan dalam penyampaian melalui strategi yang tersusun lebih berkesan. Menurut (Berhanundin et al. 2016), di antara langkah awal yang perlu dilakukan ialah menyediakan kerangka dan pemilihan strategi yang tepat dalam aktiviti dakwah Islamiah.

Inspirasi Melalui Tokoh-tokoh Terdahulu dan Kontemporari

Tokoh Dakwah Kontemporari di Luar Negara.

Mustafar Mohd Suki (2016) menukilkan di dalam buku Biografi 99 Ulama Dunia (tokoh ilmuan Islam tersohor zaman kini) tentang 99 tokoh ulama dunia yang menjadi inspirasi untuk ummah, namun di sini pengkaji memilih beberapa orang tokoh ulama sahaja yang berperanan dalam dakwah Islam di seluruh dunia ini.

1. Sheikh Dr Yusuf al-Qardhawi. Beliau diiktiraf oleh Universiti al-Azhar sebagai pemegang kelulusan Ijazah Doktor Falsafah terbaik di abad ini. Beliau juga bekerja sebagai khatib, guru, penulis yang prolific dan menjadi Pengarah Pusat Kajian Sunnah dan Sirah di Universiti Qatar. Beliau dianggap sebagai fuqaha' Islam dan tokoh pemikir yang paling sederhana, salah seorang pakar yang telah menguasai ilmu tradisi syariah dari Universiti al-Azhar Mesir dan digabungkan pula dengan kefahaman yang mendalam terhadap *fiqh waqi'* iaitu permasalahan fiqh semasa. Hasil daripada pandangan dan karya Syeikh Yusuf juga telah mendapat sokongan yang semakin menyeluruh dari seluruh umat Islam sedunia dan ini terbukti melalui karya-karyanya yang banyak diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa. Di antara keistimewaan beliau ialah mampu merungkai setiap permasalahan yang berkaitan dengan *fiqh* dalam kalangan ummah dengan mudah dan sentiasa menyandarkan fatwanya dengan dalil-dalil yang kuat dan tidak terikat dirinya dengan mana-mana mazhab Islam.
2. Sheikh al-'Allamah Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi. Beliau merupakan seorang ulama yang berjaya memenangi hati jutaan orang Arab, penduduk Mesir dan muslim seluruhnya. Beliau mampu membakar semangat melalui ucapan yang bernas dan ringkas melalui pegangannya yang begitu kuat kepada al-Quran dan juga mampu menafsirkannya sehingga berjaya memikat pendengarnya yang terdiri daripada masyarakat awam. Beliau juga berkebolehan dalam penulisan yang mampu menambat hati semua orang. Di antara kitab yang dikarangnya ialah: Tafsir al-Sya'rawi, Al-Islam wa al-Fikr al-Mu'asir, Al-Islam wa al-Mar'ah, Al-Tariq ila Allah dan Hadha Huwa al-Islam. Beliau juga banyak muncul dalam krisis politik dan meninggalkan banyak jasa dalam sejarah Islam.
3. Sheikh Dr Said Hawa. Beliau banyak memberi khutbah, ceramah, kuliah di Syria, Kuwait, Arab Saudi, Iraq, Emirati, Mesir, Jordan, Qatar, Palestin, Amerika dan Jerman. Pada tahun 1973, beliau pernah mengikuti demonstrasi menentang undang-undang di Syria. Kemudian beliau ditangkap dan dimasukkan ke dalam penjara selama lima tahun dan di dalamnya beliau menghasilkan karya tafsirnya iaitu *al-Asas fi al-Tafsir* (12 jilid) dan mengarang sejumlah buku dakwah yang lain. Di antara kitab yang dikarangnya ialah: *Allah Jalla Jalaluhu, Al-Rasul Shallallahu alaihi wasallam, Al-Islam, Tarbiyatuna Arruhiyyah, Jundullah Thaqqafatan wa Akhlaqan*. Beliau aktif dalam politik, dakwah dan jihad serta memimpin Jama'ah al-Ikhwan al-Muslimin di peringkat negara dan juga antarabangsa.
4. Sheikh Abdul Qadir Al-Arnaout. Beliau seorang yang berani dan kuat dalam menyatakan kebenaran. Terlalu banyak contoh sikap beliau yang menunjukkan kesungguhannya dalam menentang bidaah dan kemungkaran serta membela al-Sunnah. Beliau seorang dermawan, pandai bergaul dengan masyarakat dan selalu menghadiri majlis dan undangan yang diadakan. Di antara kitabnya yang terkenal ialah *Al-Wajiz fi Manhaj Salafus Salih wa al-Wasaya al-Nabawiyah*. Beliau juga terkenal sebagai *muhaqqiq* (pentahqiq) dan *musahhah* (pentashih) hadis dan kitab serta menghasilkan lebih daripada 60 penulisan dalam pelbagai cabang ilmu Islam. Di antara kitab yang paling terkenal yang ditahqiq oleh beliau ialah *Jami'ul Usul* yang merupakan karya Imam Ibnu Athir sebanyak 15 jilid. Kitab ini merupakan rujukan utama dan peninggalan terpenting dalam ilmu hadis yang diterbitkan sejak 40 tahun lalu. Kitab inilah yang menjadikan beliau terkenal dalam ilmu hadis dan sangat alim dalam ilmunya.

Tokoh Dakwah Kontemporari Di Malaysia.

1. Al-Fadhil Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri merupakan seorang tokoh dakwah kontemporari, ulama dan pernah menjawat jawatan mufti di Malaysia. Beliau mendapat pendidikan di dalam dan luar negara. Beliau merupakan tokoh ilmuan yang terkemuka dan berpengalaman sebagai Mufti Wilayah Persekutuan, Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan dan Terengganu. Beliau ada mengasaskan Institut Hadis iaitu Maalim al-Sunan Li Dirasat al-Sunnah al-Nabawiyah di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan sebuah pondok moden al-Abaqirah sebagai tanda kesungguhan beliau untuk dijadikan tauladan kepada masyarakat di dalam menuntut ilmu. Beliau sering muncul di radio dan televisyen sama ada menjadi panel tetamu dalam pelbagai bentuk rancangan keagamaan atau slot khas. Beliau banyak menghasilkan karya penulisan yang meliputi pelbagai bidang seperti tokoh, ibadah, fatwa, pendidikan, kemasyarakatan, tasawuf dan keagamaan. (Ismail, S., Nasiruddin, N., Aqilah, A., & Isa, S, 2019).
2. Tuan Guru Tan Sri Datuk Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang dikenali umum di peringkat tempatan dan di persada antarabangsa, Tokoh ini dilahirkan pada 20 Oktober 1947 di Kampung Rusila, Marang, Terengganu. Susur galur keturunan beliau dari sebelah ayah dan ibunya adalah sebagai pendakwah, alim ulama, aktivis politik dan tokoh masyarakat. Sehingga kini beliau terkenal sebagai pendakwah kontemporari yang tidak asing lagi di Malaysia dan juga ahli politik. Pemikiran dakwah siyasah beliau adalah terbit daripada manhaj yang bersumberkan daripada al-Quran, Sunnah dan pendirian salaf al-salih. Ia bukan dikutip daripada teori kitab warisan semata-mata tetapi diambil daripada perjuangan dan pengalamannya dalam gerakan Islam lebih separuh abad serta kegiatannya yang aktif di lapangan bersama masyarakat. Beliau juga berjaya menonjolkan karismatik dan kewibawaan sebagai seorang pemimpin, pendakwah, ulama, pemikir dan pendakwah. (Hussin, & Amran, 2021). Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang aktif berdakwah di serata tempat termasuk di dalam dan luar negara. Beliau banyak menumpukan pengajiannya di Masjid Rusila yang diasaskannya dengan mengajar kitab tafsir dan banyak menekankan tentang perpaduan ummah serta keperluan jemaah untuk menyatukan umat Islam. Beliau juga banyak menekankan tentang isu-isu semasa di dalam dakwahnya yang menunjukkan beliau cakna terhadap permasalahan dan keperluan ummah. Banyak karya-karya yang dikarang oleh beliau sejak abad 90-an terutamanya penulisan dalam kitab tafsir *al-Tibyan* di mana karya beliau diterbitkan oleh pelbagai penerbit. Beliau aktif di media sosial antaranya Youtube, Instagram, Facebook, Twitter dan Telegram. Pendekatan, kesungguhan dan tekad beliau dalam berdakwah amat mengkagumkan ummah dan perlu dijadikan contoh oleh setiap muslim. (Syamimi Amira & Najah Nadiah Amran, 2021)
3. Ustaz Dato' Haji Badli Shah bin Haji Alauddin merupakan seorang tokoh agamawan yang sangat hebat di dalam dunia dakwah di Malaysia terutama di Kuantan, Pahang. Beliau dilahirkan pada 31 Januari 1975. Beliau merupakan pendakwah yang aktif dalam pelbagai bidang dakwah. Pendidikan beliau merangkumi dalam dan luar negara. Pelbagai jawatan yang disandang oleh beliau antaranya ialah Ketua Penolong Pengarah dan Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau di Jabatan Agama Islam Pahang serta Imam Besar Masjid Negeri Sultan Ahmad 1, Kuantan. Beliau merupakan pendakwah yang sering muncul di radio dan kaca televisyen seperti Astro Maya, Astro Oasis, TV al-Hijrah, TV1, TV3 dan TV9 sama ada sebagai panel tetamu dalam pelbagai rancangan yang berbentuk keagamaan atau mengendalikan slot khas. Malah terdapat juga ceramah beliau dimuat naik ke laman sosial seperti Youtube dan Facebook yang menjadi tular di kalangan masyarakat. Beliau bukan sahaja aktif berdakwah di Malaysia malah sering menyampaikan dakwah di Singapura, Thailand, Brunei dan juga Mesir. Sikap beliau seorang periang dan pandai mengambil hati menyebabkan ramai masyarakat mudah mesra dan mendekatinya. Beliau

di antara tokoh yang boleh diteladani melalui sikap ketekunannya di dalam menuntut ilmu dan menyebarkan dakwah kepada masyarakat. (Ab Kudus, U. N. A., & Osman, K., 2021)

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini berbentuk kualitatif. Metod pengumpulan data yang digunakan adalah melalui kajian kepustakaan yang merujuk sumber primer dan sumber sekunder antaranya daripada buku teks dakwah, artikel jurnal, buku, prosiding kertas kerja seminar serta penyelidikan disertasi dan tesis.

Temubual semi struktur dilakukan terhadap pakar-pakar dakwah di Malaysia yang mempunyai pengalaman di dalam bidang dakwah melebihi 15 tahun. Seramai lapan responden ditemubual di mana lima daripadanya merupakan ahli akademik di Institusi Pendidikan di Malaysia. Pengkaji juga mendapatkan cadangan dan kerangka strategi dakwah kontemporari yang sesuai digunakan masa kini daripada pakar-pakar dakwah ini.

Metod analisis data pula menggunakan kaedah analisis dokumen yang diolah huraian menggunakan metod deduktif dan induktif.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil temubual pengkaji bersama pakar, dapat disimpulkan di sini beberapa kerangka strategi dakwah kontemporari yang sesuai digunakan oleh pendakwah masa kini:

1. Personaliti Yang Baik

Personaliti yang baik merupakan tunggak utama yang perlu ada pada diri seorang pendakwah sebagaimana Rasulullah SAW menitikberatkan akhlak di dalam dakwah beliau. Baginda meletakkan akhlak sebagai perkara utama di dalam apa jua keadaan kerana di antara tujuan yang paling utama baginda diutuskan adalah untuk memperbaiki tingkahlaku dan akhlak umat manusia (Aisyah, 2023). Menurut Nurul Izzah & Razaleigh Muhamat@Kawangi (2020), personaliti pendakwah memainkan peranan yang penting kepada masyarakat sebagai satu langkah dan usaha untuk melakukan perubahan nilai yang positif yang sesuai dengan objektif dakwah Islamiah. Personaliti pendakwah dibentuk berdasarkan ciri-ciri dalaman dan luaran yang perlu dimiliki dalam diri seorang pendakwah muslimah seperti memiliki sifat sabar yang tinggi, akhlak yang baik, berilmu pengetahuan, penampilan yang kemas dan sebagainya. (Temubual bersama Datuk Dr Ustazah Nurhafizah Musa, 20 Jun 2022).

Di antara sifat yang paling penting bagi persiapan diri seorang pendakwah ialah niat dan amanah (Temubual bersama Prof. Dr. Sharifah Hayati Syed Ismail, 29 Mei 2024). Niat yang ikhlas perlu diutamakan bagi setiap pendakwah di dalam melaksanakan dakwah agar membuahkan hasil yang baik di dunia dan akhirat supaya dakwah sentiasa dapat diteruskan walaupun melalui pelbagai rintangan (Temubual bersama Dr Mohammad Nidzam Abdul Kadir, 16 November 2023). Manakala amanah perlu diterapkan dalam menjalankan dakwah dan menyampaikan ilmu kepada *mad'u* tambahan pula ketika berada di zaman kontemporari yang penuh dengan ujian dan fitnah. Firman Allah Taala:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)". (al-Quran. al-Anfal: 27)

﴿وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: "Dan janganlah kamu campur-adukkan yang benar itu dengan yang salah, dan kamu sembunyikan yang benar itu pula padahal kamu semua mengetahuinya". (al-Quran. al-Baqarah: 42)

Pendakwah perlu merasakan di dalam diri bahawa menyampaikan risalah Allah itu merupakan amanah yang berat dan perlu mempelajari terlebih dahulu sebelum dikongsikan kepada *mad'u* serta berhati-hati ketika menyampaikannya. (Temubual secara atas talian bersama Ustazah Ts. Siti Fatahiyah Mahamood, 22 Februari 2024).

2. Persiapan Ilmu Yang Baik

Di dalam dakwah, ilmu merupakan perkara penting kerana ia merupakan *maudhu' dakwah* (isi dakwah) yang akan disampaikan kepada *mad'u* dan ia mempunyai banyak kelebihan yang diberikan oleh Allah SWT serta diangkat martabat dengan beberapa darjat sebagaimana ada dijelaskan di dalam al-Quran (Temubual bersama Datuk Dr Ustazah Nurhafizah Musa, 20 Jun 2022).

Pendakwah harus membuat persiapan diri dengan segala bentuk ilmu bagi menarik minat para pendengar untuk mendengar ceramah yang diberikan terutamanya ilmu yang berkait tentang hukum-hakam Allah Taala dalam agama Islam agar tidak menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat (Temubual bersama Prof Madya Dr Khuzaimah Ismail, 18 Disember 2023).

Di samping itu, pendakwah juga perlu bersiap sedia dari segi jasmani dan rohani sebelum bergelar pendakwah, contohnya pendakwah yang mendalami perlu beramal dengan ilmu mereka, sentiasa melakukan ibadah-ibadah sunat seperti puasa sunat, zikrullah, *qiyamullail* dan sebagainya serta perlu menghormati para ulama dan mendekati diri kepada Allah SWT (Aisyah, 2023). Firman Allah Taala:

﴿وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ﴾

Maksudnya: “Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam ugama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).” (al-Quran. al-Tawbah: 122)

3. Mempunyai Teknik Percakapan Yang Baik

Dakwah melalui komunikasi yang berkesan dapat memberikan impak dan kesan yang besar di dalam kehidupan seseorang. Ini menunjukkan penguasaan komunikasi terlalu penting di dalam membentuk kenerkesanan dakwah (Mokhtar, 2021).

Dakwah juga akan terbantut apabila komunikasi dan penyampaian tidak memenuhi apa yang diperlukan oleh *mad'u*. Pemikiran, perilaku dan sikap akan dapat difahami melalui disiplin psikologi sosial. Komunikator (*Da'i*) perlu mengetahui dan memahami latar belakang, persekitaran dan suasana audiens (*mad'u*) ini dibesarkan agar matlamat komunikasi dan dakwah mampu memberikan hasil yang baik (Temubual bersama Ustazah Zawiyah Hassan, 2 Mei 2024). Rasulullah SAW merupakan seorang komunikator terbaik dalam menyampaikan dakwahnya mengajak manusia kepada nur Islam seperti yang dinyatakan dalam al-Quran sebagaimana firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَاهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا * وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا﴾

Maksudnya: “Wahai Nabi, sesungguhnya Kami mengutusmu sebagai saksi (terhadap umatmu), dan pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) serta pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar)”. (al-Quran. al-Ahzab: 45-46)

4. Dakwah Bersama Kumpulan

Seorang pendakwah tidak akan mampu melakukan semua perkara dan ia memerlukan kepada bantuan orang sekeliling atau *team* bagi melancarkan gerak kerja dakwah (Temubual bersama Prof Madya Dr Khuzaimah Ismail, 18 Disember 2023). Menurut Nurazmallail Marni et al.

(2004) dalam kajiannya menekankan tentang pendidikan sifat bekerja dalam kumpulan iaitu *amal jama'i* atau 'teamworking' telah dititikberatkan dalam Islam sama ada melalui al-Quran atau hadis.

Dalam al-Quran, Allah SWT menyifatkan orang yang bekerja secara berkumpulan sebagai satu binaan yang tersusun kukuh dan Allah SWT menyukainya. Firman Allah SWT:

﴿إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقِيمُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًا كَأَنَّهُمْ بُنْيَنٌ مَّرْصُومٌ﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah sukakan orang-orang yang berjuang di jalan-Nya dalam barisan seolah-olah satu binaan yang tersusun kukuh". (al-Quran. al-Sofa: 4)

5. Dakwah Melalui Perilaku Yang Baik (*Bil Hal*)

Dakwah melalui perilaku merupakan antara strategi yang amat penting kerana *mad'u* lebih terkesan dengan dakwah melalui perilaku dan *muamalah* yang baik (Temubual bersama Datuk Dr Ustazah Nurhafizah Musa, 20 Jun 2022). Dakwah bukan hanya sekadar ceramah, retorika dan pidato semata-mata namun ia juga merupakan teladan melalui tindakan (dakwah *bil-Hal*) yang sangat erat dengan kehidupan umat kini. Dakwah boleh juga menjadi "komunikasi non-verbal" iaitu bukan semata-mata berpusat di forum diskusi, masjid tetapi ia turut berpusat di gelanggang sukan, hospital, pusat membeli belah, dalam pesawat, bank dan yang seumpamanya (Badli Shah, 2016).

Dakwah *Bil Hal* atau melalui kebajikan merupakan dakwah yang menekankan dengan tindakan bukan hanya sekadar mengatakan melalui tutur kata tetapi ia juga memberi contoh yang baik sebagai tauladan. Diikuti dengan komunikasi yang baik akan memudahkan pendakwah di dalam menyampaikan dakwahnya (Reka Gunawan & Abdul Muhid, 2022). Pendakwah harus menjadikan Rasulullah SAW sebagai model dalam dakwah *bil hal* kerana baginda menekankan dari semua sudut bagi memastikan dakwahnya diterima oleh *mad'u* (Temubual bersama Ustazah Zawiyah Hassan, 2 Mei 2024). Firman Allah SWT:

﴿وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ﴾

Maksudnya: "Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia". (al-Quran. al-Qalam: 4)

6. Dakwah Melalui Media Sosial

Media sosial antara strategi yang penting di zaman ini. Pendakwah perlu mengambil peluang dan menggunakannya dengan berhikmah bagi menyampaikan dakwah kepada *mad'u* yang kebanyakannya hampir keseluruhan *mad'u* lebih mendekati dan menggunakan media sosial ini (Temubual bersama Prof. Dr. Sharifah Hayati Syed Ismail, 29 Mei 2024). Terdapat pelbagai medium kesenian yang seiring dengan zaman kini yang boleh dimanfaatkan dan juga wasilah dakwah alternatif di laman sesawang seperti *facebook*, *whatsapp*, *telegram*, *blog* dan sebagainya (Aini Sofia & Berhanundin Abdullah, 2020).

Menurut Muhamad Aiman et al. (2019), teknologi komunikasi di zaman serba moden ini semakin berkembang pesat, penggunaan internet tidak dapat dipisahkan dengan media sosial seperti *Twitter*, *Facebook*, *Instagram* dan aplikasi yang lain. Selain dapat berkongsi maklumat, media sosial juga dapat menambah ilmu pengetahuan dan bertukar pendapat. Ia juga dapat memberikan nilai manfaat yang besar kepada pendakwah bagi menyebarkan dakwah Islam. Adab juga perlu dijaga dan diteliti dalam menyampaikan sesuatu maklumat khususnya maklumat yang benar, fakta yang tepat, menjaga akhlak dalam penulisan, menasihati secara berhikmah serta menjaga perasaan orang Islam dan juga bukan Islam. Media sosial mampu membuktikan bahawa ia boleh menjadi sebuah medium wasilah dakwah yang bagus pada zaman kemodenan ini (Fatimah Syarha, 2024).

Dakwah dapat dilakukan dengan lebih meluas dan segala informasi dapat dilakukan di hujung jari. Bagi mendapatkan perjalanan dakwah yang lebih sempurna, asas-asas dakwah perlulah diikuti dan dipelihara (Temubual bersama Ustaz Syed Mohd Norhisyam Tuan Padang Al-Idrus, 25 Julai 2024). Persediaan ilmu yang banyak dan persiapan diri untuk berhujah serta melontarkan jawapan bagi *mad'u* yang bertanya berkaitan agama perlulah ada pada diri

seorang pendakwah. Ia juga bagi menyampaikan mesej dakwah yang ingin disampaikan dengan jelas. Ini merupakan antara inisiatif yang dapat meningkatkan peratusan keberkesanan dakwah (Temubual secara atas talian bersama Ustazah Ts. Siti Fatahiyah Mahamood, 22 Februari 2024). Media sosial merupakan suatu media yang banyak memberikan pengaruh kepada masyarakat pada masa kini. Dakwah yang baik adalah yang menggunakan platform terkini kerana mengikuti peredaran masa dan zaman (Temubual bersama Ustazah Zawiyah Hassan, 2 Mei 2024).

7. Dakwah Melalui Institusi Masjid

Dakwah melalui institusi masjid merupakan antara strategi yang berkesan dan menjadi tumpuan di dalam menyampaikan dakwah sejak zaman Nabi SAW sehingga kini (Temubual bersama Ustaz Syed Mohd Norhisyam Tuan Padang Al-Idrus, 25 Julai 2024). Ab. Halim Tamuri (2021) menjelaskan bahawa masjid merupakan institusi keagamaan yang terpenting khususnya berkaitan dengan aspek pembangunan dan pendidikan masyarakat Islam. Ia mempunyai peranan yang amat besar melalui pelbagai program, agenda dan pengimarahannya agar masjid dapat membawa orang Islam ke pangkuan agama Islam. Ia menjadi keperluan yang dituntut ketika umat Islam dalam krisis akidah, sosial, politik dan permasalahan umat yang kritikal dengan pelbagai masalah.

Terdapat beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan iaitu menjadokan masjid sebagai *one stop centre* (pusat satu hentian) ilmu dan masyarakat, pusat pendidikan formal dan non-formal, pusat pembangunan teknologi informasi dan komunikasi ummah, pusat dakwah luar masjid dan latihan saudara kita serta pemantapan pengurusan masjid. Firman Allah SWT:

﴿إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَمِمَّا يَخْشَى اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُتَّقِينَ﴾

Maksudnya: *"Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk."* (al-Quran. al-Taubah:18)

8. Mempunyai Tauliyah Sebagai Kelayakan Berdakwah

Bagi pendakwah yang ingin menyampaikan dakwah di masjid pada zaman kontemporari ini perlu mempunyai tauliyah mengajar yang ditetapkan oleh jabatan agama Islam bagi setiap negeri untuk membendung penyebaran ilmu sesat dan penyalahgunaan kuasa. Namun pihak berkuasa juga perlu berhikmah di dalam menguruskan tauliyah ini agar tidak menyukarkan pendakwah yang berkelayakan untuk menyampaikan dakwahnya di Malaysia (Temubual bersama Dr Mohammad Nidzam Abdul Kadir, 16 November 2023).

9. Dakwah di Institusi Pengajian

Institusi pengajian ini merupakan tempat masyarakat menerima ilmu khususnya golongan muda. Betapa pentingnya ilmu dan dakwah diserapkan kepada golongan ini bagi menjamin peribadi, adab, akhlak dan keseluruhan yang melibatkan aspek dalaman dan luaran pada diri seseorang (Temubual bersama Ustaz Syed Mohd Norhisyam Tuan Padang Al-Idrus, 25 Julai 2024).


Menurut Mukhlis Fathurrohman (2019) dalam kajiannya menyatakan di era kemodenan ini, banyaknya berdiri sekolah dan bertambah suburnya tumbuh pelbagai kampus yang moden di pelbagai daerah. Kekurangan pengetahuan agama pada masa kini menjadikan generasi muda kurang terkawal dan banyak melakukan kegiatan yang kurang bermanfaat. Setiap orang mampu dan berhak untuk berdakwah melalui pendidikan di sekolah mahupun pendidikan non formal mengikut kesesuaian yang bermula daripada keluarga, kaum kerabat, jiran tetangga, masyarakat sehingga ke ruang yang lebih meluas.

Ilmu yang terus menerus disampaikan membuatkan sentiasa berkembang dan akan menjadi beberapa cabang ilmu untuk manfaat yang lebih besar. Dakwah dan pendidikan yang dikongsikan berdasarkan keaslian yang berpegang teguh dengan nilai-nilai Islam dan berdasarkan penemuan-penemuan terbaru di masa sekarang iaitu kontemporari sangatlah penting untuk digunakan di dalam dakwah bagi menghadapi segala permasalahan yang berlaku (Temubual bersama Prof. Madya Dr. Khuzaimah Binti Ismail, 18 Disember 2023).

10. Dakwah Melalui Kesenian

Dakwah melalui kesenian merupakan antara strategi yang berkesan dan menjadi tarikan di dalam menyampaikan dakwah di zaman ini (Temubual bersama Dr Mohammad Nidzam Abdul Kadir, 16 November 2023). Menurut Ahmad Sahlan & Mohd Nizam (2020), menyedari nilai-nilai keindahan yang terdapat di dalam kesenian dan mampu memberi tarikan kepada manusia, maka pemanfaatan kesenian merupakan suatu perkara yang cukup penting dalam dakwah dan berperanan memenuhi tuntutan fitrah. Kesenian yang mempunyai elemen-elemen mendidik dan menepati syariah turut memberikan potensi yang besar dalam mempengaruhi gaya hidup dan pemikiran ke arah yang lebih baik. Justeru, dapat disimpulkan bahawa kesenian dapat dilihat sebagai salah satu medium dakwah yang mampu memberi kesan yang baik dalam penyebaran Islam kepada *mad'u* melalui penggunaan media sosial dan aplikasi teknologi komunikasi.

Walaupun bagaimanapun, pendakwah harus berhati-hati ketika menyampaikan dakwah melalui kesenian ini (Fatimah Syarha, 2024). Semua pihak perlu berhati-hati supaya tidak terlalu hanyut dan *lagha* dengan idea pendekatan dakwah yang moden dan secara kontemporari ini. Perlu digariskan panduan yang ketat di dalam menggunakan kesenian ini ketika berdakwah seperti seni suara, seni muzik, komedi dan lakonan yang mematuhi garis panduan syariah dan syarak supaya tidak terpesong dari tujuan asal dakwah serta tidak berlaku fitnah terhadap agama sehingga ditakuti ia akan menjadi satu bentuk hiburan yang tidak mempunyai manfaat dan melalaikan (*lagha*) (Aisyah, 2023).



Gambar Rajah 1: Kerangka strategi dakwah kontemporari.

PENUTUP

Berdasarkan kepada pemerhatian dan pengamatan daripada sorotan literatur serta dapatan daripada temubual, pengkaji merumuskan bahawa terdapat beberapa strategi yang berkesan yang sesuai digunakan oleh pendakwah dan badan dakwah atau masyarakat di dalam dakwah agar dakwah menjadi lebih berkesan dan kekal relevan kepada *mad'u*. Pendakwah perlu berusaha pertingkatkan keupayaan, usaha dan strategi bagi menawan jiwa *mad'u* dan mestilah strategi itu mengikut saranan al-Quran dan hadis Nabi SAW.

Selain pendakwah berdakwah kepada *mad'u*, seharusnya pendakwah juga perlu mempunyai benteng dan persiapan yang kuat dari sudut dalaman dan luaran untuk berdakwah kepada diri, keluarga dan kaum kerabat. Ia memerlukan kepada persiapan diri yang merupakan salah satu strategi dakwah kontemporari bagi mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan di dalam dakwah masa kini.

RUJUKAN

Buku

- Abdullah, M. Z. (1991). *Islamic da'wah*. Pustaka Antara Sdn. Bhd.
- Afifi, A. O. M. (2024). *Da'wah Tahrik al-Iman: Da'wah ilato Allah wa 'ulumiha. Maktabat al-Lu'lu'ah*.
- Alauddin, D. U. B. S. (2016). *Seni dakwah kontemporari*. Telaga Biru.
- Ghazali, D. (1996). *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur Utusan Publications .
- Ghazali, M. D. M. R. (2016). *Biografi Agung Abu Al-Hassan Ali Al-Nadwi*. Karya Bestari.
- Hadzir, S. (2005). Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat.
- Majlis Agama Islam Selangor. (2016). *Generasi muda: Cabaran dan dakwah*. Majlis Agama Islam Selangor.
- Suki, M. M. (2016). *Biografi 99 ulama dunia: tokoh ilmuan Islam tersohor zaman kini*. Karya Bestari@ Grup Buku Karangkrif.
- Zaydan, 'A. K. (2002). *Usul Dakwah Islam & Dakwah*. Terj. Solehan Ayub. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Zaydan, 'A. K. (1993). *Usul al-Da'wah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Jurnal

- Ab Rahim, A., Osman, A. S., & Basri, F. (2023). Comparison Of Educational Background, Personality And Preaching Approach Between Traditional Islamic Preachers And Celebrity Preachers: Perbandingan Latar Belakang Pendidikan, Keperibadian Dan Pendekatan Dakwah Antara Pendakwah Tradisional Dengan Pendakwah Selebriti. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 31(1), 1-14. Retrieved from <https://al-qanatir.com/aq/article/view/548>
- Ab Kudus, U. N. A., & Osman, K.(2021). Ketokohan Ustaz Dato'haji Badli Shah Dalam Bidang Dakwah. Seminar Tokoh Dakwah 1.0(SEDAKWAH) 2021, 12 Julai 2021, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Baharin, S. A. S., & Amran, N. N. (2021). Kepelbagaian Medium Penyampaian Dakwah Abdul Hadi Awang Semasa Pandemik. *Jurnal al-Turath; Vol, 6(2)*.
- Daud, A. S. C., & Abdullah, B. (2020). Keperluan Pendakwah Muslimah dalam Dakwah Kontemporari kepada Masyarakat. *Islam Universalia: International Journal of Islamic Studies and Social Sciences*, 1(3), 370-399.
- Fathurrohman, M. (2019). Dakwah dalam Konteks Pendidikan. *Mamba'ul'Ulum*, 217-224.
- Gunawan, R., & Muhid, A. (2022). The Strategy Of Da'wah Bil Hal Communication: Literature Review. *KOMUNIKE: Jurnal Komunikasi Penyiaran Islam*, 14(1), 33-50.
- Hatim, A. S. A., & Sahad, M. N. (2020). Nasyid sebagai wasilah dakwah dalam kalangan masyarakat kontemporari. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 94-108.
- Hatim, A. S. A., & Sahad, M. N. (2020). Pendekatan Dakwah Kontemporari Melalui Kesenian. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 134-148.

- Hussin, H., & Amran, N. N. (2021). Integrasi Dakwah dan Siyasah Dalam Pemikiran Tuan Guru Dato'Seri Haji Abdul Hadi Awang. *Ahmad Syakir Mohd. Nassuruddin, Mohd Zain Mubarak & Mohd. Fadli Ghani*, 74, 320.
- Ismail, S., Nasiruddin, N., Aqilah, A., & Isa, S. (2019). Ketokohan Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri Dalam Dakwah. Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019 ke-3 *Hotel Grand Blue Wave Shah Alam, Selangor. 22 Oktober 2019.*
- Marni, N., Mohamed, A. K., Hashim, N., & Abu Nasir, R. (2004). Amalan bekerjasama dalam komuniti setempat: Kepentingannya menurut perspektif Islam.
- Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H. H., Muis, A. M. R. A., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Lukin, S. A. (2021). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Kitab al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 6(23), 140-156.
- Supriyanto, S. (2018). Konsep Dakwah Efektif. *Mawa'izh: Jurnal Dakwah Dan Pengembangan Sosial Kemanusiaan*, 9(2), 239-262.
- Tamuri, A. H. (2021). Konsep Dan Pelaksanaan Fungsi Masjid Dalam Memartabatkan Masyarakat:(The Concept And The Implementation Of The Role Of Masjid In Elevating The Society). *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 1-12.
- Zaidi, N. I. C., & Muhamat, R. (2020). Personaliti Pendakwah Dalam Menyantuni Masyarakat Non Muslim. *Al-Hikmah*, 12(1), 19-36.
- Zawawi, Y., Azli Fairuz, L., Berhanundin, A., & Musthaffa, K. (2016). Wasilah Dakwah Nabi saw kepada Pembesar: Kajian Terhadap Kepentingan dan Keberkesanan Surat.

Seminar dan Persidangan

- Kamarudin, M. A., Kamal, M., Syakir, M., & Safar, J. (2019). Media Sosial dan Dakwah Menurut Islam. In Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Sains Teknologi dan Manusia.

Temubual

- Datuk Dr. Ustazah Nurhafizah Binti Musa, 2022. Pendakwah Selebriti. Tarikh Temubual 20 Jun 2022. Masjid Al-Falah USJ 9.
- Dr. Mohammad Nidzam Bin Abdul Kadir, 2023. Pensyarah Kanan, Faculty Of Human Ecology, Universiti Putra Malaysia. Tarikh Temubual 16 November 2023. Pejabat Pensyarah UPM.
- Prof. Madya Dr. Khuzaimah Binti Ismail, 2023. Pendakwah Bertauliyah. Tarikh Temubual 18 Disember 2023. Surau Al-Ehsan Seksyen 7 Shah Alam.
- Prof. Dr. Sharifah Hayaati Binti Syed Ismail, 2024. Pensyarah Department Of Siasah Syar'Iyyah, Academy Of Islamic Studies, Universiti Malaya. Tarikh Temubual 29 Mei 2024. Temubual Secara Atas Talian Melalui Aplikasi Whatsapp.
- Ts. Siti Fatahiyah Binti Mahamood, 2024. Pensyarah Akademi Kontemporari Islam, Universiti Teknologi MARA. Tarikh Temubual 22 Februari 2024. Temubual Secara Atas Talian Melalui Aplikasi Whatsapp.
- Ustaz Syed Mohd Norhisyam Bin Tuan Padang Al-Idrus. Pendakwah Selebriti. Tarikh Temubual 25 Julai 2024 . Masjid Seksyen 7 Shah Alam.
- Ustazah Fatimah Syarha Binti Mohd Noordin. Pendakwah Selebriti. Tarikh Temubual 31 Mei 2024. PWTC Kuala Lumpur.
- Ustazah Zawiyah Binti Hassan. Pendakwah Selebriti. Tarikh Temubual 2 Mei 2024. Rumah Responden di Subang Jaya, Selangor.

Tesis

- Ab Rahim, A. (2023). *Pembinaan Kerangka Penerapan Nilai Murni Pendakwah Selebriti Berdasarkan Keperibadian Ulama Selangor* (Tesis Phd Tidak Diterbitkan). Universiti Teknologi MARA.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.